

# Turun cukai jalan disambut baik

**KUALA LUMPUR** 31 Dis. - Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) bersetuju dengan penurunan cukai jalan yang diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri semalam, yang dilihat dapat membantu mengurangkan beban rakyat.

Presiden FOMCA, N. Marimuthu berkata, langkah kerajaan itu dapat menolong rakyat terutama golongan berpendapatan rendah.

"Kerajaan perlu menolong rakyat dalam apa jua cara termampu," katanya ketika dihubungi hari ini.

Marimuthu bagaimanapun menolak tanggapan sesetengah pihak langkah itu akan disusuli dengan kenaikan harga minyak.

"Saya tidak menganggap keputusan ini

sebagai langkah kerajaan untuk menaikkan harga minyak pada tahun hadapan memandangkan harga minyak dunia sudah stabil," ujarnya.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semasa mengumumkan pengurangan cukai jalan itu semalam berkata, ia melibatkan semua jenis kenderaan bermotor.

Katanya, pengurangan cukai tersebut membabitkan lapan kategori kenderaan termasuk kereta persendirian milik individu, kereta milik syarikat, motosikal, teksi, kereta sewa, bas dan kenderaan perdagangan.

Pelarasan cukai jalan itu juga dijangka mengakibatkan pengurangan hasil kerajaan

## Langkah kerajaan itu dapat menolong rakyat terutama golongan berpendapatan rendah

**N. MARIMUTHU**  
Presiden FOMCA

kira-kira RM250 juta setahun.

Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) yang juga menyambut baik langkah kerajaan itu, turut mencadangkan supaya cukai dihapuskan terus terutama bagi kenderaan berkuasa 1000cc ke bawah.

"Kami amat menyambut baik langkah menurunkan cukai jalan itu, namun berharap agar ia dapat dikurangkan lagi, termasuk menghapuskan terus cukai jalan terutama bagi kenderaan berkuasa 1000cc ke bawah,"

katanya.

Beliau turut berharap kerajaan dapat menurunkan semula harga petrol berikutan harga minyak mentah dunia yang telah mula turun baru-baru ini.

"Jumlah cukai jalan yang diturunkan itu sangat kecil dan hanya melibatkan mereka yang memiliki kenderaan sahaja, berbanding dengan harga minyak yang agak tinggi sehingga membebankan hampir keseluruhan rakyat," jelasnya.

Menurutnya, langkah menurunkan semula

harga minyak adalah wajar, kerana harga petrol mempengaruhi harga barang-barang runcit serta memberi kesan langsung kepada kadar inflasi.

Omar berkata, usaha menurunkan semula harga minyak akan menunjukkan kerajaan bersungguh-sungguh membantu meringankan beban rakyat.

Koordinator Projek Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Noor Nirwandy Mat Noordin menyifatkan langkah menurunkan cukai jalan sebagai tindakan bijak dalam membela nasib pengguna.

"Kami menyambut baik apa pun tindakan yang dapat meringankan beban pengguna tetapi berharap ia tidak pula disusuli dengan kenaikan lain (minyak) memandangkan telah banyak kenaikan berlaku sepanjang 2006.

"Kami juga harap jika ada sebarang kenaikan selepas ini, kerajaan perlu memantau dan melaporkan secara terperinci sebab-sebab yang mendorong kenaikan harga sesuatu barangan atau perkhidmatan," katanya.

Menurutnya, satu mekanisme kawalan juga perlu diwujudkan untuk memantau kenaikan harga termasuk polisi insurans terutama bagi mangsa banjir di selatan Semenanjung.

Presiden Persatuan Pengusaha Lori Kuala Lumpur dan Selangor, Teh Kok Poo menyatakan, jumlah penurunan itu terlalu sedikit dan tidak memberi kesan yang diharapkan.

"Walaupun ada sedikit penurunan, pengusaha lori terpaksa menaikkan harga perkhidmatan tahun depan memandangkan kenaikan tol elektrik dan diesel tahun ini," jelasnya.

Anggota Dewan Negara yang juga Ketua UMNO Bahagian Cheras, Datuk Syed Ali Al-Habshee berkata, langkah kerajaan menurunkan cukai jalan berkuat kuasa esok, membuktikan kerajaan sangat peka dengan keperluan rakyat.

Menurutnya, ia juga menunjukkan kerajaan tidak pernah memandang remeh soal kebajikan rakyat.

"Pengumuman itu bertepatan dengan keadaan sekarang kerana terdapat banyak keluhan daripada rakyat, berikutan kenaikan minyak dan tol," katanya.

Menurut Syed Ali, berita tersebut sekali gus meringankan beban rakyat berikutan sesi persekolahan akan kembali dibuka awal Januari ini.

"Berita penurunan cukai jalan itu juga merupakan hadiah tahun baru bagi semua rakyat," tambah beliau.